



DIDAKWA: Bendi (dua kiri) dan Gandut (kiri) diiringi polis di hadapan kamar Mahkamah Sesyen Kuching, semalam. — Gambar Roystein Emmor

Lelaki miliki kerambit di tempat awam dipenjara lima tahun, satu sebatan

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan satu sebatan terhadap seorang lelaki Indonesia yang mengaku bersalah memiliki senjata berbahaya iaitu sebilah kerambit di tempat awam tanpa tujuan sah.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Bendi Pragola Majidi, 45, yang dituduh mengikut mengikut Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kacisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum 10 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Bendi didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 5.15 petang pada 15 Februari lalu di persimpangan sebuah ladang di Paon Gahat, Serian.

Berdasarkan fakta kes, Pasukan Gerakan Am (PGA) ketika Ops Taring Batas/Awas telah menahan sebuah kenderaan yang dipandu Bendi dalam keadaan mencurigakan di simpang ladang tersebut.

Lelaki miliki kerambit di tempat awam dipenjara lima tahun, satu sebatan

► Dari Muka 1

Hasil pemeriksaan mendapati Bendi membawa seorang penumpang lelaki warganegara Indonesia dikenali sebagai Gandut, 41, yang tidak mempunyai dokumen perjalanan sah.

Pemeriksaan lanjut kemudiannya membawa kepada penemuan sebuah beg silang milik Bendi yang mengandungi sebilah kerambit, dua keping pasport milik individu lain, wang tunai dan beberapa barang lain.

Berikutan itu, polis menangkap Bendi dan Gandut untuk tindakan selanjutnya serta merampas kerambit

serta barangan lain untuk dijadikan barang kes.

Difahamkan, Bendi akan dituduh di Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 55E(1) Akta Imigresen kerana membawa penumpang pendatang asing tanpa izin (PATI) dan di Mahkamah Majistret Serian mengikut Seksyen 12(1)(f) Akta Pasport (memiliki pasport milik orang lain), dengan tarikh kedua-dua kes masih belum ditetapkan.

Sementara itu di mahkamah sama, Gandut dari Nibung, Indonesia, dijatuhi hukuman penjara empat bulan serta satu sebatan selepas mengaku bersalah atas pertuduhan masuk ke Malaysia tanpa dokumen

perjalanan sah.

Iris turut memerintahkan Gandut dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk proses penghantaran pulang ke negara asalnya setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 6 (3) akta sama.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian sementara Bendi dan Gandut tidak diwakili peguam.

Kes disiasat oleh Inspektor Victor Buckand Dusim Oh.